

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	PERMOHONAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI BAHAGIAN PERTUMBUHAN PRODUKTIVITI (PGD)
OBJEKTIF	:	• Menjalankan aktiviti-aktiviti libat urus, mendapatkan maklumat dan pelaporan pencapaian produktiviti di peringkat nasional, sektoral dan enterpris kepada pihak berkepentingan; • Memastikan pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan model tadbir urus DMO dilaksanakan dengan berkesan di peringkat nasional, sektoral dan enterpris; dan
JUMLAH ANGGARAN KOS	:	RM84,100.00 (Ogos – November 2021)
PERUNTUKAN	:	MPB-ICT
KOMEN/TANDATANGAN UNIT PEROLEHAN	:	

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
KERTAS CADANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan untuk mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Pengurusan MPC bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Bahagian Pertumbuhan Produktiviti (PGD) dengan menggunakan peruntukan MPB-ICT berjumlah RM84,100.00

2.0 LATAR BELAKANG

Fungsi utama Bahagian Pertumbuhan Produktiviti (PGD) adalah untuk menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan strategi peningkatan produktiviti di bawah *Malaysia Productivity Blueprint* (MPB) yang diterajui oleh sektor swasta. Pelaksanaan program Nexus Produktiviti yang dipantau dan dikawal selia bersama oleh Delivery Management Office (DMO) dan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri bertujuan memastikan inisiatif produktiviti di peringkat nasional, sektor dan enterpris dilaksanakan mengikut tadbir urus yang ditetapkan.

Salah satu fungsi utama dalam penyelarasan dan pemantauan adalah memastikan kemajuan aktiviti inisiatif produktiviti peringkat nasional dan sektoral serta enterpris dapat disampaikan kepada pihak berkepentingan dengan berkesan.

Antara aktiviti komunikasi yang akan dijalankan merangkumi pendekatan transformasi pengetahuan tersirat (*tacit*) kepada pengetahuan yang lebih jelas (*explicit*) berkaitan maklumat produktiviti, daya saing, dan inovasi.

3.0 OBJEKTIF

Objektif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ini adalah seperti berikut:

- Mendapatkan dan menyampaikan maklumat mengenai kemajuan dan impak pelaksanaan inisiatif serta aktiviti-aktiviti berkaitan dengan produktiviti kepada pihak berkepentingan; dan
- Memudahkan penyampaian maklumat berkaitan produktiviti, daya saing, dan inovasi.

4.0 TEMPOH PELAKSANAAN

Aktiviti-aktiviti ini akan dijalankan bermula Ogos – November 2021.

5.0 ANGGARAN KOS

Bil.	Perkara	Harga per kuantiti	Kos (RM)
1.	Sekretariat Mesyuarat	Mesyuarat DMO: RM1,000 x 4 bulan Mesyuarat NOPC/NPC: RM1,000 x 1 bulan	4,000.00 1,000.00
2.	Penulisan laporan/artikel/ kajian kes	200.00/Muka surat x 40 mukasurat (maksimum)	8,000.00
3.	Penyemak artikel/laporan	150.00/Muka surat x 40 m/s	6,000.00
4.	Pakej Bengkel / Round Table Discussion / Working Group bagi Penambahbaikan Inisiatif MPB	RM 30 x 30 peserta x 5 sesi	4,500.00
5.	Pembayaran Fasilitator/ Moderator / Tenaga Pengajar	RM 250 sejam x 6 jam x 4 sesi	6,000.00
6.	Pembayaran Pakar Rujuk / Industri / Khidmat penasihat / Mentor	RM 400 sejam x 6 jam x 4 sesi	9,600.00
7.	Pembayaran Bagi Aktiviti Pembangunan Kapasiti Atas Talian / Platform Atas Talian / Rakaman Video	RM 10,000 x 3 sesi	30,000.00
8.	Promosi Program / Video Hebahan / Montaj / Poster	RM 5,000 x 3 sesi	15,000.00
JUMLAH			RM 84,100.00

6.0 SYOR

Dengan ini adalah dipohon pertimbangan serta kelulusan daripada Lembaga Pengurusan MPC bagi menjalankan aktiviti - aktiviti Bahagian Pertumbuhan Produktiviti (PGD) dengan menggunakan peruntukan MPB-ICT berjumlah RM84,100.00

Disediakan:



Siti Nur Syuhaida Salleh
Penolong Pengurus
DMO/PGD/PCD
11 Ogos 2021

Disemak:



Dr. Halimahton Sa'diah Let
Timbalan Pengarah
DMO/PGD/PCD
11 Ogos 2021

Disokong:



Dr. Mohamad Norjayadi Tamam
Pengarah
DMO/PGD/PCD
11 Ogos 2021